



JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (1) Jun.2017(055-066)

Analisis Kontrastif Kata Sendi Nama ‘Pada’ Bahasa Melayu dan Bahasa Thai

Norizan Che Su
zan@upm.edu.my
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan kata sendi nama ‘pada’ bahasa Melayu dan bahasa Thai. Kata sendi nama ‘pada’ ini merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing di Malaysia. Kajian komparatif ini membandingkan penggunaan kata sendi nama ‘pada’. Rujukan utama ialah buku Tatabahasa Dewan bagi data sekunder bahasa Melayu dengan buku *lak phasa Thai* dan soal selidik diedarkan kepada 13 orang pelajar Thai dari University Rat Chaphat Thep Satteri, Thailand. Keputusan kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan yang paling ketara dalam konteks keterangan waktu. Justeru, pelajar didapati keliru dalam mengenal pasti penggunaan sendi nama ini. Adalah diharapkan supaya kajian akan datang dapat memberi tumpuan terhadap penggunaan sendi nama ‘pada’ dalam konteks perbualan seharian.

Kata kunci: analisis kontrastif, kata sendi nama ‘pada’, bahasa Melayu, bahasa Thai.

Abstract

This study aims to identify the similarities and differences of preposition 'to' (pada) for Malay and Thai languages. The preposition 'to' (pada) is one of the factors affecting the Thai language learning process as a foreign language in Malaysia. This study is to compare the used of preposition 'to' (pada). The main reference for the Malay secondary data is with the Tatabahasa Dewan, lak phasa Thai' book and questionnaire were distributed to 13 Thai students from the University Rat Chaphat Petteri Thep, Thailand. The result of the study revealed that there is a major difference in context related to the description of time. Therefore, students were confused in identifying the use of preposition. It is hoped that further study will focus on the use of preposition 'to (pada) in everyday conversation.

Keywords: contrastive analysis, the preposition ' pada ', Malay languages, Thai languages

Pengenalan

Bahasa Melayu dan bahasa Thai mempunyai perbezaan dari sudut linguistik. Hai ini disebabkan Bahasa Melayu tergolong dalam rumpun Austronesia atau Melayu–Polinesia, sedangkan bahasa Thai adalah bahasa dari rumpun Sino-Tibet. Perbezaan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing di Malaysia. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua, pendekatan analisis kontrastif diaplikasikan untuk mengkontraskan kedua-dua sistem bahasa dengan melihat persamaan dan perbezaan kedua-dua bahasa tersebut.

Atas dasar permasalahan tersebut, penyelidik merasa bertanggung jawab untuk melakukan kajian analisis kontrastif. Analisis kontrastif memberi tumpuan kepada aspek perbandingan secara sistematik dalam ciri-ciri linguistik tertentu ke atas dua bahasa atau lebih dengan tujuan untuk melihat perbezaan dan persamaan antara kedua-duanya (Fisiak, 1992). Antara perbandingan yang dapat diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan analisis kontrastif adalah seperti analisis kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Mandarin, dan bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Justeru, kajian ini melakukan perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Thai dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan pada aspek morfologi, khususnya kata sendi nama ‘pada’ bahasa Melayu dan bahasa Thai. Dengan adanya kajian seperti ini, dapat memberi manfaat kepada pelajar dalam penggunaan kata sendi nama ‘pada’ dalam bahasa Thai yang betul. Bagi pengajar pula, mereka dapat menerangkan tentang ciri-ciri persamaan yang boleh membantu dalam proses pembelajaran kata sendi nama ‘pada’ serta perubahan yang boleh mengganggu proses pembelajaran bahasa kedua tersebut dan dapat menyediakan bahan pengajaran yang sesuai untuk pelajar supaya dapat mencapai objektif pengajaran dengan jayanya. Penyelidikan ini juga penting kepada perancang kurikulum dan penulis buku yang terlibat dalam bidang pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa kedua.

Kajian Lepas

Dengan melihat kajian yang terdahulu, pengkaji mendapati beberapa kajian telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu berkaitan perbandingan kata sendi nama, antaranya; kajian tentang kata sendi nama bahasa Dusun dan bahasa Melayu (Dayang Aini Haji Karim, 2003) dan kajian analisis kontrastif dan analisis kesilapan kata sendi nama bahasa Melayu dan bahasa Jepun (Ong Shyi Nian, 2014). Kajian-kajian ini dijalankan dengan kaedah yang berbagai serta memperoleh dapatan yang pelbagai. Dayang Aini Haji Karim (2003) mendapati kata sendi nama *gaya/cara dengan* dan kata sendi nama hubungan *antara* dan *daripada* adalah kata sendi nama yang tidak wujud dalam bahasa Dusun. Beliau meramalkan kata sendi nama yang tidak wujud dalam bahasa Dusun akan menimbulkan masalah kepada pelajar Dusun. Namun, hasil kajian mendapati bahawa kata sendi nama yang tidak wujud dalam bahasa Dusun tidak menjadi masalah kepada pelajar Dusun dan kata sendi nama kiasan *laksana* dan kata sendi nama manfaat *bagi* mendominasi kesalahan pelajar. Ong Shyi Nian (2014) mempunyai dapatan kajian yang hampir sama dengan kajian Dayang Aini Haji Karim (2003) di mana Ong Shyi Nian (2014) menjalankan kajian tentang kata sendi nama dan memfokuskan kajian perbandingan kata sendi nama bahasa Jepun dan bahasa Melayu. Beliau mendapati perbezaan kata sendi nama *kepada*, *ke*, *dari* dan *di* telah menyebabkan para pelajar melakukan kesalahan dalam menghasilkan ayat yang betul.

Walau bagaimanapun, kajian perbandingan kata sendi nama bahasa Melayu dan bahasa Thai kurang diberi perhatian. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk membandingkan kata sendi nama kedua-dua bahasa ini dan meramal kesulitan yang dialami oleh para pelajar.

Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji telah membandingkan kata sendi nama ‘pada’ bahasa Melayu dan bahasa Thai berdasarkan buku Tatabahasa Dewan bagi data sekunder bahasa Melayu dan buku *lak phasa Thai*. Satu set soal selidik diedarkan kepada 13 orang pelajar Thai dari *University Rat Chaphat Thep Satteri* bagi data

sekunder bahasa Thai. Perbandingan ini akan dilakukan berlandaskan teori analisis kontrastif yang diperkenalkan oleh Lado (1957). Menurut Lado (1957), perbezaan di antara bahasa pertama dan bahasa kedua, disebabkan oleh adanya persamaan antara unsur bahasa pertama dan bahasa kedua. Dengan kata lain, perbezaan bahasa pertama dan bahasa kedua menyebabkan kesukaran, sedangkan persamaan menyebabkan mudah untuk difahami. Melalui teori Lado (1957), linguistik bahasa yang telah dikuasai terpengaruh dengan proses bahasa yang dipelajari atau bahasa yang ingin dikuasai. Justeru, terdapat perbezaan di antara bahasa yang dipelajari dengan bahasa ibunda dan biasanya akan menimbulkan kekeliruan dalam pemahaman.

Fisiak (1981) mendefinisikan analisis kontrastif sebagai satu sub disiplin linguistik yang berkenaan dengan dua atau lebih bahasa untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara bahasa-bahasa tersebut. Ahli linguistik James (1980) pula mendefinisikan analisis kontrastif sebagai satu kegiatan linguistik yang bertujuan untuk menjalankan kegiatan kontrastif antara dua jenis bahasa dengan andaian bahawa bahasa boleh dibandingkan manakala Noresah Baharom (1997) mendefinisikan analisis kontrastif sebagai kaedah sinkronik analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih, dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan.

Berdasarkan takrifan yang telah diberikan oleh beberapa tokoh, analisis kontrastif merupakan satu perbandingan ciri-ciri linguistik antara dua atau lebih bahasa, yang bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua bahasa yang dibandingkan dan seterusnya memberi kemudahan kepada guru-guru bahasa dalam proses pengajaran dan kemudahan kepada pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran bahasa asing sebagai bahasa kedua.

Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan kajian dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti perbezaan kata sendi nama ‘pada’ bahasa Melayu dan bahasa Thai seperti berikut:

Kata sendi nama ‘Pada’ digunakan untuk menunjukkan keterangan Waktu

Dalam bahasa Melayu, kata sendi nama ‘pada’ digunakan untuk menunjukkan keterangan waktu apabila mendahului kata nama yang menyatakan waktu atau masa (Nik Safiah Karim *et al*, 2008). Contohnya :

- 1) Saya ada kelas bahasa Thai *pada* jam 14.00
- 2) Saya membaca buku *pada* pukul sepuluh malam.
- 3) Bank akan dibuka *pada* pukul sembilan pagi.

Manakala dalam bahasa Thai terdapat tiga kata sendi nama ‘pada’ yang menunjukkan keterangan waktu iaitu “เวลา” /we: la:/, “ตอน” /to:n/ dan “เมื่อ” /mûa:/.

Kata sendi nama “เวลา” /we: la:/ digunakan untuk menunjukkan keterangan bagi masa formal dan tidak formal. Keterangan masa formal menggunakan sistem 24 jam seperti berikut:

1)	BM:	Saya ada kelas bahasa Thai <i>pada</i> jam 14.00						
	BT	ฉัน	มี	คลาส	ภาษาไทย	เวลา	สิบสี่	นาฬิกา
	TR	chǎn	m	klas	pha: sǎ: Th	we: la:	síp sì:	na: lí ka:
	TBN	saya	ad	kelas	bahasa Tha	<i>pada</i>	14.00	jam

Manakala, keterangan waktu tidak formal menggabungkan kata bilangan dan perkataan waktu seperti berikut:

2)	BMS	Saya membaca buku <i>pada</i> pukul sepuluh malam.					
	BT	ผม	อ่าน	หนังสือ	เวลา	สี่	ทุ่ม
	TR	phǒm	à:n	nǎng sǎi:	we: la:	sì:	thúm
	TBM	saya	membaca	buku	<i>pada</i> pukul	sepuluh	malam

3)	BMS	Bank akan dibuka <i>pada</i> pukul sembilan pagi.					
	BT	ธนาคาร	จะ	เปิด	เวลา	เก้า	โมง
	TR	thana: kha:n	cà	pǒ:t	we: la:	kâw	mo:ng
	TBM	Bank	akan	dibuka	<i>pada</i> pukul	sembilan	pagi

Berdasarkan contoh di atas, walaupun terdapat keterangan masa formal dan tidak formal dalam bahasa Thai, namun kata sendi nama ‘pada’ yang digunakan ialah sama iaitu kata sendi nama “เวลา”/we: la:/.

Seterusnya, kata sendi nama “ตอน” / tɔ:n / digunakan untuk menunjukkan keterangan waktu bagi pagi, tengah hari, petang dan malam seperti berikut:

- 4) *Pada* waktu pagi saya pergi ke kelas Bahasa Jeraman.
- 5) *Pada* waktu tengah hari saya pergi makan nasi dengan kawan saya.
- 6) *Pada* waktu petang saya pergi bermain bola sepak di University.
- 7) *Pada* waktu malam saya suka menonton drama.

4)	BMS	<i>Pada</i> waktu pagi saya pergi ke kelas Bahasa Jeraman.						
	BT	ตอน	เช้า	ผม	ไป	คลาส	ภาษา	เยอรมัน
	TR	tɔ:n	chǎw	phǒm	pai	klas	pha: sǎ:	Jeraman
	TBM	<i>pada</i>	waktu pagi	saya	pergi ke	kelas	bahasa	Jeraman

5)	BMS	<i>Pada</i> waktu tengah hari saya pergi makan nasi dengan kawan saya.							
	BT	ตอน	เที่ยง	ผม	ไป	กิน	ข้าว	กับ	เพื่อนผม
	TR	tɔ:n	thí:a:ng	phǒm	pai	kin	khâ:w	kàp	phú:a:n phǒn
	TBM	<i>pada</i>	waktu	teng:saya	pergi	makan	nasi	dengan	kawan saya
			hari						

- 6) **BMS** *Pada* waktu petang saya pergi bermain bola sepak di University.

BT	ตอน	เย็น	ผม	ไป	เล่น	ฟุตบอล	ที่	มหาวิทยาลัย
TR	tɔ:n	yen	phǒm	pai	lê:n	fút bɔ:n	thî:	maha: wit thay lai
TBM	<i>pada</i>	waktu petang	saya	pergi	bermain	bola sepak	di	universiti

7) BMS *Pada* waktu malam saya suka menonton drama.

BT	ตอน	กลางคืน	ผม	ชอบ	ดู	ละคร
TR	tɔ:n	kla:ng khu:n	phǒm	chô:p	du:	lá khon
TBM	<i>pada</i>	waktu malam	saya	suka	menonton	drama

Seterusnya, kata sendi nama “เมื่อ” / mûa: / digunakan untuk menunjukkan waktu bagi pagi, tengah hari, petang, malam, hari, bulan dan tahun yang lepas seperti berikut:

- 8) *Pada* pagi tadi saya pergi ke kelas bahasa Jermanan.
- 9) *Pada* tengah hari tadi saya pergi makan nasi dengan kawan saya.
- 10) *Pada* petang tadi saya pergi bermain bola sepak di Universiti.
- 11) Semalam saya menonton drama.

8) BMS *Pada* pagi tadi saya pergi ke kelas bahasa Jermanan.

BT	เมื่อ	เช้า	ผม	ไป	คลาส	ภาษา	เยอรมัน
TR	mûa:	cháw	phǒm	pai	klas	pha: sǎ:	Jeraman
TBM	<i>pada</i>	pagi	tadi	saya	pergi	ke kelas	bahasa Jermanan

9) BMS *Pada* tengah hari tadi saya pergi makan nasi dengan kawan saya.

BT	เมื่อ	เที่ยง	ผม	ไป	กิน	ข้าว	กับ	เพื่อนผม
TR	mûa:	thîa:ng	phǒm	pai	kin	khâ:w	kàp	phûa:n phǒn
TBM	<i>pada</i>	tengah hari	tadi	saya	pergi	makan nasi	dengan	kawan saya

10) BMS *Pada* petang tadi saya pergi bermain bola sepak di Universiti.

BT	เมื่อ	เย็น	ผม	ไป	เล่น	ฟุตบอล	ที่	มหาวิทยาลัย
TR	mûa:	yen	phǒm	pai	lê:n	fút bɔ:n	thî:	maha: wit thay: lai
TBM	<i>pada</i>	petang tadi	saya	pergi	bermain	bola sepak	di	Universiti

Dalam bahasa Melayu untuk menunjukkan waktu yang lepas perlu ditambah kata adverb ‘tadi’ manakala dalam bahasa Thai tidak perlu. Berbeza pula dengan keterangan waktu yang lepas bagi waktu malam bahasa Melayu dan bahasa Thai yang tidak menggunakan kata sendi nama ‘pada’ seperti contoh berikut:

- 11) **BMS** Semalam saya menonton drama.
BT เมื่อคืน ผม ดูละคร
TR mǎa: khu:n phǎm du: lá khon
TBM semalam saya menonton drama

Seterusnya, untuk menunjukkan waktu bagi hari, bulan dan tahun pula perlu menambah perkataan **ที่แล้ว** /thí: lé:w/ yang bermaksud 'yang lepas' seperti contoh di bawah:

- 12) *Pada* hari isnin yang lepas emak datang ke asrama.
 13) *Pada* bulan yang lepas saya pergi ke perpustakaan.
 14) *Pada* tahun yang lepas saya pergi Bangkok.

- 12) **BMS** *Pada* hari isnin yang lepas emak datang ke asrama.
BT เมื่อ วันจันทร์ ที่แล้ว คุณแม่ มา ที่ หอพัก
TR mǎa: wan can thí: lé:w khun mǎe: ma: thí: hǎ: pháak
BM *pada* hari isnin yang lepas emak datang ke asrama
- 13) **BMS** *Pada* bulan yang lepas saya pergi ke perpustakaan.
BT เมื่อ เดือน ที่แล้ว ฉัน ไป ที่ หอสมุด
TR mǎa: dua:n thí: lé:w chǎn pai thí: hǎ: samùt
BM *pada* bulan yang lepas saya pergi ke perpustakaan
- 14) **BMS** *Pada* tahun yang lepas saya pergi Bangkok.
BT เมื่อ ปี ที่แล้ว ฉัน ไป กรุงเทพฯ
TR mǎa: pi: thí: lé:w chǎn pai Krung th:êp
BM *pada* tahun yang lepas:saya pergi Bangkok

Manakala, untuk menunjukkan waktu yang akan berlaku bagi hari, bulan dan tahun, tidak perlu meletakkan sebarang kata sendi nama 'pada' dalam bahasa Thai seperti contoh berikut:

- 15) *Pada* hari Isnin emak datang ke asrama.
 16) *Pada* bulan ini saya akan pergi ke perpustakaan.
 17) *Pada* tahun ini saya akan pergi Bangkok.
- 15) **BMS** *Pada* hari Isnin emak datang ke asrama.
BT - วันจันทร์ คุณแม่ มา ที่ หอพัก
TR - wan can khun mǎe: ma: thí: hǎ: pháak
BM *pada* hari isnin emak datang ke asrama

- 16) BMS *Pada* bulan ini saya akan pergi ke perpustakaan.
 BT เดือน นี้ ฉัน จะ ไป ที่ หอสมุด
 TR - dʉa:n ní: chǎn cà pai thí: hǎ: samùt
 BM Pada bulan ini saya akan pergi ke perpustakaan
- 17) BMS *Pada* tahun ini saya akan pergi Bangkok.
 BT ปี นี้ ฉัน จะ ไป กรุงเทพฯ
 TR - pi: ní: chǎn cà pai Krung th:êp
 BM Pada tahun ini saya akan pergi Bangkok

1. Kata sendi *pada* apabila didahului kata “ada”

Dalam bahasa Melayu, kata sendi nama ‘pada’ apabila didahului kata “ada” mesti diikuti oleh kata nama (Nik Safiah Karim *et al*, 2008) seperti berikut:

- 18) Bola itu ada *pada* adik Ali.
 19) Buku itu ada *pada* Ali
 20) Beg itu ada *pada* emak Halim.

Manakala, dalam bahasa Thai terdapat perkataannya yang tersendiri untuk kata sendi nama ‘pada’ yang didahului “ada” iaitu ‘อยู่กับ’ / yù: kàp /. Dalam bahasa Thai, perkataan “ada” tidak perlu ada dalam ayat tersebut dan ayat yang dihasilkan tidak akan mengubah makna yang ingin disampaikan seperti berikut:

- 18) BMS Bola itu ada *pada* adik Ali.
 BT บอล ลูก นี้ - อยู่กับ น้องอาลี
 TR bɔ:n lû:k nán - yù: kàp nɔːng Ali
 BM bola sebiji itu ada *pada* adik Ali
- 19) BMS Buku itu ada *pada* Ali.
 BT หนังสือ เล่ม นี้ - อยู่กับ อาลี
 TR nǎng sǎ: lê:m nán - yù: kàp Ali
 BM buku sebuah itu ada *pada* Ali
- 20) BMS Beg itu ada *pada* emak Halim.
 BT กระเป๋า ใบ นี้ - อยู่กับ แม่ ฮาลิม

TR	krà pǎw	bai	nán	-	yù: kàp	mê: Halim
BM	beg	sebjji	itu	ada	<i>pada</i>	emak Halim

2. Petunjuk tempat sesuatu perbuatan itu dilakukan.

Selain itu, kata sendi nama ‘pada’ dalam bahasa Melayu juga digunakan sebagai perkataan yang terletak di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja (Nik Safiah Karim *et al*, 2008). Contohnya:

- 21) Kertas itu terlekat *pada* cermin kereta.
- 22) Burung itu hinggap *pada* dahan.
- 23) Gambar itu ditampal *pada* papan hitam.

Manakala dalam bahasa Thai terdapat perkataannya yang tersendiri untuk kata sendi nama ‘pada’ yang digunakan sebagai perkataan yang terletak di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja iaitu ‘อยู่ที่’ / yù: thî:/ seperti contoh berikut:

21)	BMS	Kertas itu terlekat <i>pada</i> cermin kereta					
	BT	กระดาษ	แผ่น	นั้น	ติด	อยู่ที่	กระจก
	TR	krà dà:t	phè:n	nán	tít	yù: thî:	krà còk rôt
	BM	Kertas	sekeping	itu	terlekat	<i>pada</i>	cermin kereta

22)	BMS	Burung itu hinggap <i>pada</i> dahan.					
	BT	นก	ตัว	นั้น	เกาะ	อยู่ที่	กิ่งไม้
	TR	nók	tua:	nán	kò	yù: thî:	kìng mái
	BM	Burung	seekor	itu	hinggap	<i>pada</i>	dahan

23)	BMS	Gambar itu ditampal <i>pada</i> papan hitam.					
	BT	รูป	ใบ	นั้น	ติด	อยู่ที่	กระดานดำ
	TR	rû:p	bai	nán	tít	yù: thî:	krà da:n dam
	BM	Gambar	sekeping	itu	ditampal	<i>pada</i>	papan hitam

3. Kegunaan pada sesuatu yang abstrak

Dalam bahasa Melayu, kata sendi nama ‘pada’ juga digunakan dalam bentuk-bentuk ungkapan seperti berikut:

- 24) *Pada* pendapat saya kami harus pulang ke asrama.
 25) *Pada* pandangan saya kereta itu bersalah.
 26) *Pada* pendapatnya pasukan bola sepak itu harus menang.

Manakala dalam bahasa Thai, terdapat perkataannya yang tersendiri untuk kata sendi nama '*pada*' yang digunakan dalam bentuk-bentuk ungkapan iaitu 'ตาม' /ta:m/ seperti berikut:

- 24) **BMS** *Pada* pendapat saya mereka harus pulang ke asrama.
BT ตาม ความคิด นั้น เรา ต้อง กลับ ไป ที่ หอพัก
TR ta:m khwa:m khít (khǎ:ng) chǎn raw tǎ:ng klàp pai thî: hǎ: phá:k
BM *pada* pendapat saya mereka harus pulang pergi ke asrama
- 25) **BMS** *Pada* pandangan saya kereta itu bersalah.
BT ตาม ความเห็น นั้น รถ คันนั้น ผิด
TR ta:m khwa:m hen (khǎ:ng) chǎn rǒt khán nán phít
BM *pada* pandangan saya kereta sebuah itu bersalah
- 26) **BMS** *Pada* pendapatnya pasukan bola sepak itu harus menang.
BT ตาม ความคิด ของเขา ทีมฟุตบอล ทีมนั้น ต้อง ชนะ
TR ta:m khwa:m khít khǎ:ng khǎw thi:m fút bǔ:n thi:m nán tǎ:ng chaná
BM *pada* pendapat nya pasukan bola sepak pasukan itu harus menang

Walau bagaimanapun, perkataan 'ตาม' /ta:m/ juga boleh berfungsi sebagai kata kerja yang membawa maksud asalnya '*ikut*' seperti contoh berikut:

- 27) Adakah awak akan *ikut* saya?
 28) Awak *ikut* saya sekarang.

- 27) **BMS** Adakah awak akan *ikut* saya?
BT - คุณ จะ ตาม นั้น ไป ไหม
TR - khun cà ta:m chǎn pai mǎi
TBM - awak akan *ikut* saya pergi kah
- 28) **BMS** Awak *ikut* saya sekarang.
BT คุณ ตาม นั้น มา ได้ยวี้
TR khun ta:m chǎn ma: dǎi:w ní
TBM awak *ikut* saya datang sekarang

Nota:

BMS = bahasa Melayu standard

BT = bahasa Thai

TR = tulisan roman

TBM = terjemah ke dalam bahasa Melayu

Rumusan

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan kata kata sendi nama ‘*pada*’ bahasa Melayu dan bahasa Thai. Perbezaan yang paling ketara ialah dalam konteks untuk menyatakan keterangan waktu. Dalam bahasa Melayu kata sendi nama ‘*pada*’ digunakan untuk menunjukkan keterangan waktu apabila mendahului kata nama yang menyatakan waktu atau masa manakala dalam bahasa Thai terdapat tiga kata sendi nama ‘*pada*’ yang menunjukkan keterangan waktu iaitu “เฝ้า” /we: la:/,

“ตอน” /tɔ:n/ dan “เมื่อ” /mûa:/. Perbezaan ini akan menimbulkan kesulitan kepada pelajar yang mempelajari bahasa Thai khususnya kata sendi nama ‘*pada*’ kerana mereka akan keliru dalam pemilihan kata sendi nama yang sesuai untuk digunakan. Selaras dengan kenyataan Lado (1957) bahawa persamaan sistem bahasa ibunda dengan bahasa kedua memudahkan pelajar manakala perbezaan akan mengakibatkan kesilapan dan mengganggu proses pembelajaran.

Seterusnya, perbezaan kata sendi nama ‘*pada*’ apabila didahului “*ada*” oleh kata nama yang merujuk manusia dan haiwan juga akan menimbulkan kesulitan kepada pelajar. Hal ini kerana dalam bahasa Thai, terdapat perkataannya tersendiri bagi kata sendi nama ‘*pada*’ apabila didahului “*ada*” iaitu “อยู่กับ” / yù: kàp/. Sekiranya pelajar tidak mengetahui sepenuhnya peraturan bahasa Thai, mereka akan terdorong melakukan kesilapan.

Sehubungan itu, perbezaan kata sendi nama ‘*pada*’ untuk menunjukkan tempat sesuatu perbuatan dilakukan juga akan menimbulkan kesulitan kepada pelajar. Hal ini kerana dalam bahasa Thai, terdapat perkataannya tersendiri bagi kata sendi nama ‘*pada*’ bagi menunjukkan tempat sesuatu perbuatan dilakukan iaitu “อยู่ที่” / yù: thî:/. Dapatan ini selari dengan dapatan Dayang Aini Haji Karim (2003).

Selain itu, penggunaan kata sendi nama ‘*pada*’ dalam bentuk-bentuk ungkapan juga akan menimbulkan kekeliruan kepada pelajar. Hal ini kerana perkataan “ทำ” /ta:m/ merupakan kata kerja “*ikut*” hanya dalam bentuk ungkapan sahaja perkataan “ทำ” /ta:m/ berfungsi sebagai kata sendi nama ‘*pada*’.

Kesimpulan

Kajian ini memberi manfaat kepada penutur bahasa Melayu dalam mempelajari bahasa Thai sebagai bahasa kedua. Selain itu, kajian ini juga memberi manfaat kepada pengajar bahasa Thai untuk melihat semula silibus pengajaran dengan mengambil kira masalah yang dihadapi oleh penutur dalam penggunaan kata sendi nama yang betul. Secara umumnya, kata sendi nama ‘*pada*’ bahasa Melayu dan bahasa Thai sememangnya mempunyai perbezaan yang amat ketara. Perbezaan yang terdapat dalam kata sendi nama ‘*pada*’ bahasa Melayu dan bahasa Thai ini akan menyebabkan kesulitan kepada pelajar yang mempelajari bahasa Thai sebagai bahasa Asing. Namun, dengan adanya kajian mengenai perbandingan kata sendi nama ‘*pada*’ kedua-dua bahasa ini, kesulitan yang dialami dapat dikenalpasti

dan diatasi. Adalah diharap supaya kajian akan datang dapat berfokus kepada kata sendi nama dalam perbualan seharian.

Rujukan

Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir edisi kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Carametichon Ekachan. (1994). *Phasa Thai Samrap Khru*. Bangkok: Samnakphim Odiaston.

Dayang Aini binti Haji Karim. (2003) Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu: satu analisis kontrastif dan satu kesilapan. Tesis (Ph.D). Universiti Malaya.

Fisiak, Jacek. (1981). *Contrastive Linguistics and The Language Teacher*. Oxford: University Press.

Jamaliah Md Ali. (1990). Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan. *Jurnal Dewan Bahasa (Mei)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

James, Carl. (1980). *Contrastive Analysis*. England: Longman Group Limited.

Mohd Yunus Sharum dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. Golongan dan Rumus Kata Gandaan Berima. *Jurnal Bahasa* 11:1, hlm. 27-47, 2011.

Nik Safiah Karim et al. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norizan Che Su. (2003). *Bahasa Thai untuk Komunikasi*. Selangor: Citra Kurnia Enterprise.

Norizan Che Su et al. (2011). Polisemi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai. *Lingua 3*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Norizan Che Su dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Kesalahan Penggunaan Bahasa Thai oleh Pelajar UPM dan UKM. *Kedinamikan Bahasa dalam Budaya Isu dan Trend*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Norizan Che Su dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Ayat Tanya dalam Bahasa Thai dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan. *Jurnal Linguistik jilid 13*

Norizan Che Su dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Penguasaan Kosa Kata dan Kemampuan Membina Ayat Bahasa Thai. *Jurnal Linguistik jilid 17 (1)*

Ong Shyi Nian. (2014). Analisis kontrastif dan Analisis kesilapan Kata sendi nama bahasa Melayu dan bahasa Jepun. The 11th International Conference on Japanese Education in Malaysia.

S.Nathesan (2001). *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tantakseni Witchian. (1993). *Photcananukkom Thai-Malay-Angkritis*. Bangkok: Samnakphim Odiaston.

Wilkins, D.A.(1983). *Linguistics in Language Teaching*. London: The English Language Book Society & Edward Arnorld (Publishers) Ltd.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su. (2007). Peranan Media dalam Meningkatkan pembelajaran dan Penguasaan Bahasa Thai sebagai Bahasa Kedua. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities, Volume 15*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Rosli Talip. (2010). Kepentingan Analisis Kontrastif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. *Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Trend dan Amalan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.